



Gambar peserta lawatan di hadapan Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak, Kota Kinabalu

Lawatan Akademik Pelajar Bioteknologi Ke Makmal Diagnosis Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak (JPHPT), Kota Kinabalu

Pada 24 November 2014, seramai 54 orang pelajar tahun akhir Program Bioteknologi diiringi oleh Cik Hartinie Marbawi telah mengadakan lawatan akademik ke Makmal Diagnosis Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak (JPHPT), Kota Kinabalu. Objektif lawatan ini adalah untuk mendedahkan pelajar kepada aplikasi virologi dalam bidang penternakan haiwan sekaligus melengkapkan pembelajaran secara teori bagi kursus Virologi (SY30503) yang sedang diikuti pelajar pada semester tersebut. Para pelajar telah diberikan taklimat ringkas sebagai pengenalan kepada fungsi jabatan oleh Hajah Dr. Normah Yusop, Penolong Pengarah, Bahagian Makmal Diagnosa Veterinar, JPHPT Kota Kinabalu.



Penyampaian cenderahati kepada Dr. Hajah Normah Yusop

Para pelajar turut berpeluang melawat beberapa makmal seperti makmal Virologi, Bakteriologi, Patologi dan Epidemiologi serta diberikan penerangan ringkas berkaitan fungsi serta prosedur tertentu yang dijalankan di makmal-makmal tersebut. Melalui lawatan ini para pelajar dapat melihat bagaimana pengetahuan dalam bidang virologi dapat menyumbang kepada kemajuan dalam bidang kesihatan ternakan khususnya di Sabah. Selain itu mereka juga berpeluang memperolehi banyak pengetahuan dan maklumat baru selain daripada yang telah dipelajari secara teori. Lawatan berakhir sekitar pukul 1.30 petang.